

# Pendekatan linguistik mengkaji asal Melayu

Oleh  
**AMIRUDDIN HARUN**

**O**RANG Melayu sering kali dikatakan berasal dari Yunan, China.

Adakah pendapat itu benar?

Namun, ada pandangan yang mengatakan bahawa orang Melayu berasal dari Borneo Barat.

Pandangan ini turut dipengang oleh Pengarah Pengajian Asia Tenggara, Universiti Frankfurt, Prof. Bernd Nothofer.

Pandangan beliau adalah berdasarkan kepada kajian awalnya terhadap konsep tingkah keanekaragaman linguistik yang tertinggi.

Menurutnya, menerusi konsep itu tanah asal-usul sesuatu bangsa boleh ditetapkan. Ia berdasarkan tanggapan bahawa tanah asal-usul sesebuah keluarga di daerah yang isoleknya (sistem pertuturan yang boleh merupakan dialek atau bahasa) paling beraneka ragam.

Beliau berkata, dasar hipotesis ini ialah bahawa semakin lama sebuah daerah didiami oleh penutur isolek-isolek yang berasal dari satu bahasa purba, semakin tinggi tingkat keanekaragaman isoleknya.

Sehubungan itu, jelasnya, kalau penutur sesebuah isolek yang timbul beberapa abad sesudah

terpisahnya sebuah bahasa purba meninggalkan tanah asal-usulnya untuk mendiami daerah baru, maka waktunya kurang untuk timbulnya isolek yang aneka ragam di daerah baru itu.

"Ini bermakna isolek yang dipakai di luar tanah asal-usul sesebuah bahasa purba lebih seragam daripada isolek yang digunakan di daerah asal-usulnya," kata Prof. Nothofer.


Beliau berkata demikian ketika membentangkan kertas kerja *Migrasi Orang Melayu Purba: Sebuah Kajian Awal* dalam seminar anjuran Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, baru-baru ini.

## Migrasi

Untuk melihat tanah asal-usul dan migrasi orang Melayu purba, katanya, maka isolek-isolek yang berasal dari bahasa purba yang disebut 'bahasa Melayik Purba' perlu dikaji.

Isolek-isolek yang termasuk dalam subkelompok Austronesia ini antara lain ialah Iban, Sarawak, Bangka, Selako, Kendayan dan Ketapang sebenarnya banyak digunakan di Borneo Barat.

"Penggunaan isolek-isolek Melayu ini yang cukup berbeza antara satu sama lain, terutama



**PROF. BERND**

di daerah pemakaian isolek Sarawak, Iban, Selako, Kendayan. Ia boleh memberikan kesimpulan bahawa daerah itu adalah asal-usul orang Melayu," katanya.

Menurutnya, dua tokoh sarjana Barat, Robert Blust (1988) dan Alexander Adelaar (1988) turut berpendapat bahawa tanah asal-usul orang Melayu purba terletak di Borneo.

Mengenai migrasi orang Melayu pula, beliau yang juga Profesor Pelawat ATMA berkata, untuk membuktikannya, pendekatan linguistik historis komparatif boleh diambil kira.

Beliau berkata, berdasarkan pendekatan itu, biasanya bahasa purba

yang lebih tua seperti bahasa Melayu Javanik purba atau bahasa Melayu Polinesia purba berakhir dengan vokal.

Tetapi untuk makna-makna tertentu dalam beberapa isolek utama seperti Iban, Melayu Sarawak, Selako (Selakau), Ketapang, Bangka dan Jakun memperlukan hentian glotal. Ini bagi menggantikan penggunaan huruf 'r' atau 'l' atau ditambah pada kata yang berakhir dengan vokal dalam isolek Melayu yang lain.

Misalnya, perkataan 'tidur' digunakan di daerah Selako, tetapi di daerah Sarawak, Ketapang dan Bangka kata 'tidur' digunakan dengan menggugurkan 'r' dan digantikan dengan hentian glotal.

## Pengamat

Hentian glotal ini harus dianggap sebagai satu inovasi (unsur bahasa purba yang berubah atau diganti) yang timbul dalam kata tertentu sabaja dalam semua isolek yang baru timbul.

Pengamat ini bererti bahawa isolek Iban, Sarawak, Selako, Bangka, Palembang dan Katapang membentuk sebuah subkelompok isolek Melayik yang dimarkahi inovasi tambahan hentian glotal. Manakala, penggunaan hentian glotal sebagai pemarkah gramatikal

yang disubkelompokkan sebagai Borneo Barat.

Data ini juga menunjukkan bahawa isolek subkelompok Borneo Barat yang sebahagian ahlinya digunakan di tanah asal-usul orang Melayu purba sudah tidak berhubung lagi dengan isolek Melayik yang lain. Ini sebagaimana isolek yang

dipakai di Sumatera, Semenanjung, Riau, Borneo Utara, Timur dan Selatan.

Ini bererti kemungkinan besar bahawa nenek moyang penutur isolek yang terakhir ini sudah mulai meninggalkan tanah asal-usulnya pada waktu munculnya hentian glotal dalam subke-

lompok Melayik Borneo Barat.

"Kemudiannya terdapat penutur salah satu isolek subkelompok Borneo Barat ini yang telah bermigrasi ke selatan Pulau Borneo melalui pesisir Barat sampai ke daerah Ketapang. Dari sana me nyeberang Laut China Selatan untuk ke Belitung,

Bangka, Sumatera Selatan dan Jawa," katanya.

Menurut beliau, hasil migrasi inilah yang mengakibatkan penyebaran orang Melayu ke kawasan yang berdekatan. Mereka membawa bersama bahasa pertuturan mereka sehingga berkembang pada tahap sekarang.

UTUSAN MALAYSIA KHAMIS 28 MAC, 1996